

The logo for MSWG (Minority Shareholder Watchdog Group) features the letters 'MSWG' in white on a dark blue background.

MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad

Incorporated in Malaysia * Company No. 524898-M

The Observer

20.05.2016

MSWG / KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF DALAM BERITA

CORPORATE GOVERNANCE INTACT DESPITE RISE IN BOARDROOM TUSSELES

<http://www.thesundaily.my/news/1802782>

PANDANGAN RINGKAS MSWG MENGENAI TRANSAKSI KORPORAT SEMASA

KARAMBUNAI CORP BHD (“KCB”)

Lembaga Pengarah KCB (“Lembaga”) mengumumkan pada 28 April 2016, KCB telah menerima notis tawaran pengambilalihan sukarela tanpa syarat (“Notis”) dari RHB Investment Bank Berhad bagi pihak Tan Sri Dr Chen Lip Keong (“Pembuat Tawaran”) untuk memperoleh semua baki sekuriti yang tinggal seperti berikut:-

- (i) Semua baki saham biasa bernilai RM0.10 setiap satu dalam KCB (“Saham KCB”) yang belum dipegang oleh Pembuat Tawaran;
- (ii) Semua baki waran 2013/2023 dalam KCB (“Waran”) yang belum dipegang oleh Pembuat Tawaran (“Waran Tawaran”); dan
- (iii) mana-mana Saham KCB baru yang boleh diterbitkan sebelum tarikh tutup Tawaran (seperti yang ditakrifkan di bawah) yang timbul daripada pelaksanaan Waran yang tinggal,

(Item no. 1 dan no. 3 secara kolektif dirujuk sebagai “Saham Tawaran”)

dengan balasan tunai sebanyak RM0.05 bagi setiap Saham Tawaran dan RM0.02 bagi setiap Waran Tawaran (“Tawaran”).

Saham Tawaran dan Waran Tawaran secara kolektif dirujuk sebagai “Sekuriti Tawaran”.

Lembaga Pengarah (kecuali Tan Sri Dr Chen Lip Keong dan Chen Yiy Fon) mengesahkan mereka tidak berniat untuk mendapatkan individu alternatif untuk membuat tawaran pengambilalihan bagi Sekuriti Tawaran.

[Sumber: Pengumuman KCB di laman web Bursa Malaysia pada 28 April 2016 dan 4 Mei 2016]

KOMEN MSWG:

Kami telah menerima permintaan untuk mengulas tentang tawaran pengambilalihan sukarela tanpa syarat bagi semua saham KCB oleh Pembuat Tawaran. Sekali imbas, tawaran pengambilalihan ini dianggap sebagai tidak adil, kerana harga tawaran iaitu RM0.05 setiap saham adalah lebih rendah daripada harga pasaran iaitu RM0.06 (harga pasaran sebelum pengumuman pada 28 April 2016) dan daripada aset bersih ("NA") sesaham sebanyak RM0.1453 (NA belum diaudit pada 31 Mac 2016). Walau bagaimanapun, selepas mengambil kira prestasi KCB yang mengalami kerugian sejak beberapa tahun kewangan kebelakangan ini serta harga pasaran yang menurun jauh lebih rendah daripada NA sesaham, tawaran ini memberi peluang kepada pemegang saham untuk merealisasikan pelaburan mereka dalam KCB.

Kami akan mengulas lebih lanjut mengenai tawaran ini apabila Penasihat Bebas memberikan nasihat mereka. Dokumen tawaran juga tertakluk pada kelulusan oleh Suruhanjaya Sekuriti.

Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat, lyarahman@mswg.org.my
Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat rebecca.yap@mswg.org.my
Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat banaik.quah@mswg.org.my
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat norhisam@mswg.org.my
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat cheemeng@mswg.org.my
Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat, kinwing@mswg.org.my
Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat linnert.hoo@mswg.org.my
Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat khalidah@mswg.org.my
Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat vinodth.ram@mswg.org.my

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini kecuali bagi Karambunai Corp Bhd.*

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke mswg.ceo@mswg.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jempunan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.